

Bil. S 39

PERINTAH PEKERJAAN, 2009

**PERATURAN-PERATURAN PEKERJAAN
(PEKERJA RUMAHTANGGA), 2009**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pengenaan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Perintah Pekerjaan, 2009 kepada pekerja rumahtangga.
-

PERINTAH PEKERJAAN, 2009

**PERATURAN-PERATURAN PEKERJAAN
(PEKERJA RUMAHTANGGA), 2009**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 111 dari Perintah Pekerjaan, 2009, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pekerjaan (Pekerja Rumahtangga), 2009 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Pekerjaan, 2009.

Pengenaan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Perintah Pekerjaan, 2009 kepada pekerja rumahtangga.

2. (1) Peruntukan-peruntukan Perintah Pekerjaan, 2009 yang berikut hendaklah dikenakan kepada pekerja rumahtangga —

Bahagian I (Permulaan);

Bahagian II (Kontrak perkhidmatan);

Bahagian IV (Pembayaran gaji);

Bahagian VI (Sistem trak);

Bab-bab 80, 83, 84, 86 dan 87 Bahagian VIII (Kesihatan, tempat tinggal dan penjagaan perubatan);

Bahagian XIII (Pekerja imigran);

Bahagian XIV (Penghantaran balik);

Bahagian XV (Pemeriksaan);

Bahagian XVI (Aduan dan siasatan);

Bahagian XVII (Am).

(2) Bagi maksud peraturan kecil (1), perkataan "pekerja" dalam peruntukan-peruntukan tersebut hendaklah dianggap termasuk "pekerja rumahtangga".

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 9 haribulan September, 2009.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD. YUSOF
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.